

23 MAR 1997

Mahathir-Islam

MAHATHIR INGATKAN ORANG ISLAM JANGAN FANATIK

Oleh: Amin Husaini Harun

RIYADH, 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini umat Islam Malaysia tidak perlu bersikap fanatik atau keterlaluan dalam memperjuangkan ajaran Islam.

Sikap fanatik dan ekstrim kepada kumpulan masing-masing sehingga tidak mahu menerima kebenaran hanya merugikan ummah, kata kepada wartawan Malaysia di sini sebelum berlepas pulang ke tanah air selepas lawatan tiga hari ke Arab Saudi.

Sebelum itu Dr Mahathir menerima hadiah antarabangsa Raja Faisal kerana sumbangan khidmat baktinya kepada Islam dalam satu upacara di sini dan mengadakan pertemuan dengan ahli-ahli perniagaan di kota Jeddah.

Perdana Menteri berkata kerajaan cuba memberi perseimbangan dalam ajaran Islam dengan memperkenalkan sejarah Islam dan sejarah sebelum Islam dalam mata pelajaran Islam di sekolah-sekolah.

Unsur-unsur sejarah ini amat penting dalam menghindari umat Islam daripada sikap fanatik yang pernah menjadi sebahagian daripada cara hidup masyarakat jahiliah, katanya.

Kedatangan Islam menjadi satu ubat penyembuh penyakit masyarakat jahiliah itu, kata Perdana Menteri.

Mengenai anugerah yang diterimanya, Dr Mahathir berkata ia sedikit sebanyak menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk agama Islam di Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa.

"Mereka memberi pengiktirafan ini kerana di Malaysia kita berjaya membangunkan negara di samping mengekalkan pegangan kepada agama. Kita ada imbalan antara material dan kerohanian."

Mengenai tuduhan Malaysia sebagai negara sekular, Dr Mahathir berkata ada pihak di dalam dan luar negeri yang memang sangat mudah membuat tuduhan seumpama itu terhadap Malaysia.

"Kalau mereka nak tuduhpun dia boleh tuduhlah. Tetapi yang menentukan betul atau tidak hanyalah Tuhan. Kita yakin apa yang kita buat itu adalah baik," tegas Dr Mahathir.

Mengenai pertemuannya dengan sektor perniagaan di Jeddah, beliau berkata sektor swasta Arab Saudi dan Malaysia boleh mengadakan usahasama dalam bidang pembinaan.--Bernama

AH